

Latihan Kata Nama Am dan Kata Nama Khas.

Senaraikan kata nama am , kata nama khas dan kata majmuk daripada bahan berikut:

Istimewanya Langkawi

AKTIVITI

Senaraikan kata nama am dan kata nama khas yang mengalami penajmukan daripada bahan, kemudian bina ayat.

TEROKA MINDA

Dengan menggunakan peta pemikiran, bandingkan keistimewaan tempat pelancongan di Malaysia dengan tempat pelancongan yang terdapat di negara jiran.

Puan Norma Sulaiman sekeluarga telah melancong ke Pulau Langkawi baru-baru ini. Beliau menulis sepucuk surat kepada rakannya untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

26 E, Jalan Indah Mekar 1,
Taman Rimba Cendana,
53600 Kuala Lumpur.

7 Julai 20□□

Menemui kembali sahabat setiaku, Diana Zawil, yang kini berada di Brunei Darussalam. Apa khabar? Saya berharap semoga Diana sekeluarga sentiasa sihat dan ceria. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman saya bercuti di Pulau Langkawi baru-baru ini.

Sahabatku Diana,

Pulau Langkawi terletak di negeri Kedah Darul Aman. Pulau ini mempunyai tarikannya yang tersendiri. Menteri Besar dan penduduk Kedah amat mengalu-alukan kedatangan para pelancong ke pulau ini. Pelancong boleh menaiki kapal terbang atau feri untuk ke Pulau Langkawi. Terdapat banyak tempat yang menarik dan terkenal di Pulau Langkawi. Jika Diana ke pulau ini, Diana boleh berkunjung ke Pantai Cenang, Makam Mahsuri, Kereta Kabel Gunung Mat Chincang, Galeria Perdana, Dataran Lang, dan Pekan Kuah. Untuk pengetahuan Diana, Dataran Lang yang menjadi mercu tanda Pulau Langkawi telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada tahun 1996.

Di Pulau Langkawi, Diana boleh melihat alam semula jadi flora dan fauna, terutamanya jika berkunjung ke Pulau Tasik Dayang Bunting, Pulau Singa Besar dan Pulau Beras Basah. Selain itu, Diana boleh ke Geo Park Langkawi untuk melakukan pelbagai aktiviti yang menarik. Pulau Langkawi juga merupakan pusat beli-belah zon bebas cukai. Di sini, Diana boleh membeli barang-barang daripada produk gamat, pinggan mangkuk, pelbagai jenis coklat, beg tangan, minyak wangi, pakaian, peralatan sukan, dan bermacam-macam lagi.

Keistimewaan yang terdapat di Pulau Langkawi pasti menambat hati para pengunjung. Pelancong yang datang ke sini pasti membawa pulang buah tangan dan kenangan manis. Tentu Diana juga akan mempunyai pengalaman yang sama nanti.

Akhir kata, saya berharap semoga perkongsian maklumat ini dapat membantu Diana untuk bercuti ke Pulau Langkawi pada masa yang akan datang. Saya juga berharap semoga kita bersua lagi.

Sahabatmu,
Norma Sulaiman

Kata Nama Am	Kata Nama Khas	Kata majmuk